

Ucapan Setinggi-tinggi Tahniah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah sebagai Menteri Pembangunan yang baru dan Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar sebagai Timbalan Menteri Pembangunan mulai 23 Oktober 2015 yang diumumkan sempena pelantikan kabinet baru Negara Brunei Darussalam pada 22 Oktober 2015.

Sementara itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pertukaran dan pelantikan Yang Mulia Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny menjadi Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional), Kementerian Pembangunan mulai 12 November 2015.



YANG BERHORMAT DATO PADUKA AWANG HAJI BAHRIN BIN ABDULLAH
MENTERI PEMBANGUNAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



YANG MULIA DATO PADUKA AWANG HAJI SUHAIMI BIN HAJI GAFAR
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



YANG MULIA AWANG EDDIE BIN DATO PADUKA HAJI SUNNY
SETIAUSAHA TETAP (TEKNIKAL DAN PROFESIONAL)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, Menteri Pembangunan menerima kunjungan hormat Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad pada 9 November 2015.



Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, Menteri Pembangunan menerima kunjungan hormat Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Vladlen Stanislavovich Semivolos pada 15 Disember 2015.



Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, Menteri Pembangunan menerima kunjungan hormat ahli-ahli badan BAPEQs yang baru pada 17 November 2015.



Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Timbalan Menteri Pembangunan menerima kunjungan hormat dari Duta Republik Demokratik Rakyat Laos ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Amphay Kindavong pada 28 Disember 2015.

LAWATAN MENTERI PEMBANGUNAN KE JABATAN-JABATAN DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



JABATAN UKUR



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI**



JABATAN KERJA RAYA



JABATAN TANAH



**JABATAN PERANCANG BANDAR
DAN DESA**

LAWATAN MENTERI PEMBANGUNAN KE JABATAN-JABATAN DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah telah mengadakan beberapa siri lawatan kerja dan pengenalan kepada jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan. Setiap lawatan dimulakan dengan sesi taklimat yang diikuti dengan perbincangan dan seterusnya lawatan ke bahagian-bahagian tertentu di setiap jabatan. Pada amnya Yang Berhormat Menteri Pembangunan mendengarkan isu-isu berbangkit, pencapaian dan rancangan kerja utama setiap jabatan.

Yang Berhormat Menteri memberikan penekanan terhadap beberapa perkara terutama dalam keadaan ekonomi Negara yang mencabar ini. Perkara-perkara tersebut adalah;

- Supaya perbelanjaan dilaksanakan mengikut keutamaan, namun hendaklah tidak menjejaskan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini;
- Meningkatkan usaha bagi meningkatkan hasil jabatan-jabatan di mana yang berkenaan;
- Meningkatkan usaha bagi mengutip tunggakan di pihak awam;
- Menggunakan kaedah *Public Private Partnership (PPP)* dalam

melaksanakan projek bagi mengurangkan perbelanjaan kerajaan;

- Berusaha ke arah memberikan perkhidmatan yang lebih efisien terutamanya yang menyumbang kepada pembaikan kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam Laporan Bank Dunia bagi *Ease of Doing Business (EODB)*;
- Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) sepertimana yang dijanjikan dalam memberikan perkhidmatan harus dipatuhi dan diperbaiki dari masa ke semasa;
- Kepentingan *Key Performance Indicators (KPI)* sebagai kayu pengukur kepada kejayaan mencapai objektif masing-masing yang harus sentiasa diperbaiki;
- Meningkatkan kompetensi dan kecekapan warga kerja Kementerian Pembangunan melalui penstrukturan semula organisasi dan penggabungan sumber di mana yang bersesuaian, latihan dan kursus yang berkepentingan, penyediaan *Career Development Path* dan penyediaan perancangan penggantian (*succession planning*).



MESYUARAT MENTERI-MENTERI ASEAN SAINS DAN TEKNOLOGI MELULUSKAN PELAN TINDAKAN ASEAN



Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin (kiri) mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke AMMST-16

4-6 November 2015

Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan telah hadir mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Sains dan Teknologi ke-16 (AMMST-16). Mesyuarat tersebut dihadiri sama oleh pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pembangunan.

Adaptasi dan pengesahan pelan baru *ASEAN Plan of Action on Science, Technology and Innovation 2016-2025 (APASTI 2016-2025)* merupakan satu pencapaian terpenting bagi ASEAN COST dalam menyokong aspirasi pemimpin-pemimpin ASEAN ke arah pembentukan Komuniti ASEAN pada hujung tahun 2015. Menteri-Menteri Sains dan Teknologi ASEAN hari ini mengadakan pertemuan di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Laos untuk mengadaptasikan APASTI 2016-2025 bagi menjamin komitmen Jawatankuasa Sains dan Teknologi ASEAN (ASEAN COST) ke arah pembangunan sains dan teknologi untuk jangka masa 10 tahun akan datang selaras dengan agenda dan tindakan pasca 2015 Komuniti Ekonomi ASEAN. Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Ke-16 mengenai Sains dan Teknologi (AMST-16) yang dianjurkan oleh Kementerian Sains dan Teknologi, Republik Demokratik Rakyat Laos di Don Chon Palace Hotel telah dirasmikan oleh

Tuan Yang Terutama Thongloun Sisoulith, Timbalan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Laos. Mesyuarat ASEAN COST yang dipengerusikan oleh negara tersebut adalah tepat pada masanya kerana negara itu akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN dan juga sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2016.

APASTI baru ini menggariskan empat teras strategik penting dan lima tindakan utama yang akan membimbing ASEAN COST ke arah meningkatkan sains, teknologi dan inovasi (STI) dalam menyokong pertumbuhan ekonomi serantau dan integrasi negara-negara ASEAN. Teras-teras strategik akan memberikan tumpuan ke arah pengukuhan dan sokongan kerjasama strategik di antara ahli akademik dan sektor swasta bagi pembinaan keupayaan, pemindahan teknologi dan pengkomersilan; meningkatkan pergerakan kapasiti dan interaksi di antara masyarakat terutamanya bagi wanita dan belia di STI; mewujudkan perkongsian pintar dengan rakan-rakan dialog untuk membimbing perusahaan-perusahaan STI bagi pengusaha-pengusaha mikro, kecil, dan sederhana, pembentukan ilmu dan meningkatkan daya saing; dan akhirnya meningkatkan kesedaran orang ramai dan

menguatkan pembudayaan STI untuk meningkatkan kerjasama sains dan teknologi ASEAN. Dalam usaha untuk memastikan kerjasama ke arah mencapai teras strategik APASTI ini, mesyuarat juga menyampaikan tugas kepada beberapa Jawatankuasa Kecil untuk membangunkan pelan kerja pelaksanaan seterusnya bagi menyokong pelaksanaan APASTI baru yang dijangka akan disahkan oleh Menteri-Menteri Sains dan Teknologi ASEAN di Kemboja pada tahun hadapan.

APASTI 2016-2025 menekankan komitmen ASEAN COST dalam penyusunan semula urus tadbir COST serta mengemaskini semua aktiviti-aktiviti selaras dengan saranan daripada pasukan petugas peringkat tinggi dalam memperkukuhkan Sekretariat ASEAN dan mengkaji ASEAN Organs yang mana telah disokong oleh para pemimpin semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-26 di Kuala Lumpur pada tahun ini. APASTI baru ini juga akan meneroka dan memperluaskan bidang utama baru bagi Jawatankuasa Kecil dan bidang tumpuan strategik bagi kerjasama, sumber dan mobilisasi rakan-rakan dialog, dan akhirnya menetapkan *Key Performance Indicator (KPI)* bagi pelaksanaan projek-projek.

Bersambung ke muka surat 6.

TAKLIMAT PENGENALAN *INTENDED NATIONALLY DETERMINED CONTRIBUTIONS FOR BRUNEI DARUSSALAM*

6 Oktober 2015

Sebagai persediaan kepada Persidangan Parti-parti Perubahan Iklim Bangsa-Bangsa Bersatu (*Parties to United Nations Climate Change*) Ke-20, Kementerian Pembangunan telah mengadakan Sesi Taklimat Pengenalan bagi *Intended Nationally Determined Contributions (INDCs) for Brunei Darussalam*.

INDCs adalah medium utama bagi pihak kerajaan berkomunikasi dengan Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (*United Nations Framework Convention on Climate Change - UNFCCC*) dan membincangkan kaedah bagaimana mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dalam menangani cabaran perubahan iklim di negara sendiri. Ia juga akan menjadi asas kepada perjanjian iklim global pasca-2020, iaitu dari segi praktikal, unsur-unsur pengurangan INDCs yang merupakan komitmen ke arah objektif yang dipersetujui untuk menghadkan purata kenaikan suhu permukaan kepada dua degree Celsius.

Taklimat tersebut adalah diharap supaya semua pihak mengambil maklum dan membiasakan diri serta mendapatkan gambaran terbaik mengenai projek INDC, agar pelaksanaannya dapat diteruskan seperti yang telah dirancang.



Taklimat dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Yang Mulia Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah; dan Timbalan Setiausaha Tetap, Yang Mulia Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin.

Selain dari itu, taklimat juga merupakan suatu pendedahan dan pemberitaan kepada kementerian-kementerian kerajaan dan jabatan yang berkaitan mengenai INDC termasuk proses dan kaedah yang diguna pakai dalam penyediaan, isi kandungan, garis masa untuk persiapan dan 'output' akhir yang diserahkan di akhir kitaran projek itu.

MESYUARAT MENTERI-MENTERI ASEAN SAINS DAN TEKNOLOGI MELULUSKAN PELAN TINDAKAN ASEAN

Dari muka surat 5

Sebelum AMMST-16, Jawatankuasa Sains dan Teknologi ASEAN ke-70 (COST-70) telah mengadakan perjumpaan dan mesyuarat rakan-rakan dialog dengan Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah. Mesyuarat berkenaan menyaksikan majlis penyerahan Pengerusi ASEAN COST dari Indonesia kepada Republik Demokratik Rakyat Laos yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Profesor Ainum Naim, Ketua Setiausaha Kementerian Penyelidikan, Teknologi, dan Pengajian Tinggi Indonesia kepada Tuan Yang Terutama Houmanh Intharan, Timbalan Menteri Sains dan Teknologi Republik Demokratik Rakyat Laos.

Semasa mesyuarat COST-70, projek yang dilaksanakan oleh Thailand pada ASEAN

Crowd Funding Workshop telah diluluskan dan disahkan penemuan kajian ASEAN *Talent Mobility* serta menyokong penubuhan *ASEAN Talent Mobility Platform*. Dari segi pengukuhan kerjasama dalam bidang S&T dengan rakan-rakan dialog, ASEAN dan Amerika Syarikat meluluskan cadangan *US-ASEAN Women's Science Prize* dan program *US-ASEAN Youth Innovation Challenge* dengan objektif untuk menggalakkan penyertaan golongan wanita dan para belia dalam S&T. Semasa sidang terbuka ASEAN COST-70 bersama Jepun, mesyuarat itu telah meluluskan projek yang dilaksanakan oleh Jepun iaitu *Japan-ASEAN Joint Research Center (JRC)*, *Japan-ASEAN STI Platform (JASTIP)*, dan *Exchange Program for Young ASEAN Officials Working in STI*. Bagi membiayai projek-projek di bawah JRC, Kerajaan Jepun akan menanggung kos sehingga

100 juta yen untuk tempoh lima tahun bagi kerjasama projek-projek R&D di antara ASEAN dan Jepun iaitu dalam bidang alam sekitar dan tenaga, sumber-sumber bio, dan pencegahan bencana.

Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Sains dan Teknologi dilihat sebagai komitmen tinggi oleh negara-negara anggota ASEAN dalam mengukuhkan kerjasama bagi menyelesaikan masalah serantau melalui aplikasi sains dan teknologi ke arah membangun Komuniti ASEAN pada akhir tahun 2015. Brunei Darussalam akan terus mengukuhkan kerjasama serantau dan antarabangsa dalam bidang S&T untuk mendapatkan manfaatnya serta menyokong agenda nasional dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam dengan sokongan daripada pelbagai pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) dan agensi-agensi di negara ini.

SESI DIALOG NO. 3/2015 PEMBERIGAN PROSES KAWALAN KEMAJUAN



Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Marzuki bin Haji Mohsin semasa Sesi Dialog No.3/2015 Pemberigian Proses Kawalan Kemajuan.

29 Oktober 2015

Dalam usaha memantapkan perkhidmatan-perkhidmatan kepada orang ramai, terutamanya dari segi memendekkan tempoh dari menghadapi permohonan hingga kebenaran dikeluarkan *'turn around time'* dan memudahkan lagi proses permohonan kemajuan kerja-kerja tanah atau bangunan, reformasi telah dibuat keatas beberapa proses yang melibatkan empat agensi iaitu Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Divisyen Pihak Berkuasa Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI), Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AiTi) (Syarikat Telekom Brunei Berhad) dengan bantuan Unit PENGGERAK, Jabatan Perdana Menteri.

Reformasi tersebut adalah juga untuk membantu pihak Kerajaan dalam mencapai hasrat untuk memperbaiki kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam laporan World Bank (*Ease of Doing Business*), terutama sekali dalam proses mendapatkan Kebenaran Perancangan, Kebenaran Kemajuan, Kebenaran Memulakan Kemajuan, Kebenaran Kesiapan Kemajuan (*Occupation Permit - O.P*) dan penyambungan bekalan air - dalam konteks (*Dealing With Construction Permits*) dan seterusnya juga untuk mendapatkan bekalan elektrik.

Reformasi yang telah dibuat mula

digunapakai pada 1 November 2015.

Manakala bagi proses berkaitan dengan pelan-pelan keperluan talian telefon dan internet dalam bangunan (*landlines*) yang sebelum ini dihadapkan ke Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AiTi) / Syarikat Telekom Brunei Berhad, bolehlah dihadapkan kepada Divisyen ABCi semasa menghadapi permohonan Kebenaran Kemajuan mulai 1 November 2015, secara percubaan dan proses tersebut akan menjadi mandatori, mulai 1 Disember 2015.

Sementara itu, dalam menghadapi permohonan untuk mendapatkan Kebenaran Perancangan, semua Arkitek-Arkitek dan Jurutera-Jurutera Profesional serta Pelukis-Pelukis pelan yang berdaftar adalah dipohonkan supaya menggunakan sistem e-KP secara *online* dengan memastikan segala maklumat yang dimasukkan kedalam sistem tersebut adalah lengkap, betul dan tepat. Ini bertujuan untuk memudahkan dan melancarkan lagi pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa memproses permohonan kemajuan yang dihadapkan.

Arkitek-Arkitek dan Jurutera-Jurutera Profesional serta Pelukis-Pelukis Pelan yang berdaftar adalah diseru supaya akan sentiasa peka dan patuh kepada peraturan dan garis panduan perancangan serta peraturan dan garis panduan Piawai Brunei Darussalam PBD12:2014 Edisi ketiga.

Disamping itu, Arkitek-Arkitek dan Jurutera-Jurutera Profesional, Pelukis-Pelukis Pelan serta para Kontraktor-Kontraktor yang terlibat dalam kemajuan, adalah juga diseru untuk mengambil perhatian berat kepada perkara-perkara berikut:-

- Sentiasa mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi meningkatkan serta mengekalkan tahap keselamatan dan kesihatan yang tinggi di tapak bina projek pada setiap masa dan dipatuhi oleh semua peringkat;
- Sentiasa bertanggungjawab dan mematuhi garis panduan, segala piawaian dan syarat-syarat yang berkaitan serta memenuhi spesifikasi dan keperluan dalam Kontrak atau Perjanjian (*'Memorandum of Agreement'*) masing-masing;
- Bertanggungjawab kepada semua pihak untuk memastikan projek-projek adalah dilaksanakan mengikut pelan dan spesifikasi yang telahpun diluluskan / ditetapkan / dipersetujui. Ini adalah bagi semua projek-projek Kerajaan dan projek-projek swasta.

Dalam hal ini, mana-mana konsultan, kontraktor atau pembekal yang didapati gagal mematuhi arahan tersebut dan mana-mana peraturan yang berkuatkuasa akan diambil tindakan tatatertib yang bersesuaian termasuk menggantung atau membatalkan pendaftaran syarikat di Kementerian Pembangunan.



Antara yang hadir semasa sesi dialog berkenaan.



1 Disember 2015 — Lawatan kerja ke Pantai Serasa.



1 Disember 2015 — Pegawai dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi memberikan penerangan kepada Menteri Pembangunan.



1 Disember 2015 — Menteri Pembangunan mendengar penerangan daripada Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi semasa melawat Pantai Muara.



1 Disember 2015 — Menteri Pembangunan melawat ke tapak projek Jabatan Saliran dan Pembetungan, Jabatan Kerja Raya di Tanjung Batu.



1 Disember 2015 — Pengarah Saliran dan Pembetungan, Jabatan Kerja Raya memberikan penerangan kepada Menteri Pembangunan.



1 Disember 2015 — Menteri Pembangunan mendengar penerangan daripada pegawai di Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya mengenai projek pembinaan flyover di Meragang.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Dato Paduka Hj Bahrin bin Abdullah telah mengadakan lawatan kerja ke tapak-tapak projek dan kemudahan sebagai kesinambungan dari lawatan kerja Yang Berhormat ke jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan.

Dalam siri lawatan tersebut Yang Berhormat menekankan tentang keperluan untuk memperbaiki urus tadbir kemudahan yang di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan seperti pantai-pantai dan memastikan pelaksanaan projek dikawal selia sebaik mungkin bukan sahaja untuk memenuhi jangkaan kesiapan projek malahan juga mementingkan tahap persekitaran, kesihatan dan keselamatan kerja yang terjamin.

LAWATAN MENTERI PEMBANGUNAN KE TAPAK-TAPAK PROJEK

1 Disember 2015 — Menteri Pembangunan meninjau keadaan projek pembinaan flyover di Meragang.



1 Disember 2015 — Menteri Pembangunan mendengar taklimat daripada pegawai Jabatan Kemajuan Perumahan mengenai projek H40 Lambak Kanan.



21 November 2015 — Menteri Pembangunan diberikan taklimat mengenai aspek keselamatan di tapak projek Jambatan Sungai Kebun.



21 November 2015 — Menteri Pembangunan mendengar taklimat mengenai projek Jambatan Temburong.



1 Disember 2015 — Menteri Pembangunan melawat ke tapak projek H40 Lambak Kanan yang dibina dibawah Jabatan Kemajuan Perumahan.



Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah hadir mengetuai rombongan dikir Kementerian Pembangunan.

MAJLIS DIKIR MAULUD DI MASJID KG SUNGAI HANCHING

17 Disember 2015

Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan salah satu acara kebesaran yang diraikan oleh umat Islam di negara ini bagi memperingati kelahiran junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dalam sama-sama menyemarakkan sambutan itu, rombongan dari Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan dibawahnya telah menghadiri undangan Majlis Dikir Maulud di Masjid Kampung Sungai Hanching, Jalan Muara.

Rombongan ini diketuai oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah.

Majlis didahului dengan menunaikan solat Fardhu Isyak berjemaah yang diimamkan oleh Awang Haji Khairul Nizam bin Haji Said, imam masjid kampung berkenaan.

Ini diikuti dengan bacaan dikir oleh gabungan pendikir dari Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan dibawahnya serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Hanching.



Antara pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan dibawahnya yang hadir.

MAJLIS PENGHARGAAN BAGI MANTAN MENTERI PEMBANGUNAN

21 November 2015

Majlis penghargaan bagi menghargai dan memperingati jasa dan khidmat bakti mantan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman telah diadakan pada 21 November 2015.

Semasa majlis berkenaan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Yang Mulia Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah dalam ucapannya amat menghargai jasa-jasa Yang Berhormat Pehin semasa menjawat jawatannya sebagai Menteri di Kementerian Pembangunan.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah kemudian menyampaikan cenderahati kepada mantan Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi sebelum ini memegang jawatan sebagai Menteri Pembangunan semenjak 29 Mei 2010 sehingga 22 Oktober 2015. Yang Berhormat Pehin sekarang menjawat jawatan sebagai Menteri Pendidikan diatas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin Abdullah, Menteri Pembangunan menyampaikan cenderahati kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, mantan Menteri Pembangunan.



Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin Abdullah, Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, mantan Menteri Pembangunan (kini Menteri Pendidikan) bergambar ramai dengan ketua-ketua jabatan, divisyen dan unit di Kementerian Pembangunan.



PERBARISAN DAN PERARAKAN SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD S.A.W

TEMPAT:

TAMAN SIR MUDA OMAR ALI
SAIFUDDIEN, BANDAR SERI
BEGAWAN

TARIKH:

12 RABIULAWAL 1437 H /
24 DISEMBER 2015M

Kementerian Pembangunan pada tahun ini telah turut serta dalam perbarisan dan perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad S.A.W. Pasukan Kementerian Pembangunan diketuai oleh Yang Mulia Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny, Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional).





PENASIHAT BERSAMA

Yang Mulia Awg Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah
Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan)

Yang Mulia Awg Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny
Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional)

Yang Mulia Awg Haji Marzuke bin Haji Mohsin
Timbalan Setiausaha Tetap

PENGERUSI PENERBITAN

Yang Mulia Pengiran Kamis bin Pengiran Metamin
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

SIDANG PENGARANG

DIVISYEN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN
PERHUBUNGAN KORPORAT

Dyg Zahiah binti Haji Abd Samad

Dyg Hajah Rohani binti Haji Chuchu

Pengiran Shaharuddin bin Pengiran Haji Yussof

Awg Muhamad Hairi bin Abd Halim

Dyg Norkamaliah binti Haji Ja'afar

Dyg Siti Noorazriyah binti Johan

FOTO

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Divisyen Perhubungan Antarabangsa dan
Perhubungan Korporat